

‘Kalau dia sudah berubah, kita terima’

Bekas PM sarung jaket PAS sampai amanat di hadapan penyokong parti

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Hidayatidayu Razali dan Audrey Dermawan
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: PAS menerima kemunculan julung kali bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di pentas ceramah Perikatan Nasional (PN), malam kelmarin, dengan hati terbuka.

Sambil menyifatkan setiap orang mempunyai sejarah masing-masing, Naib Presiden PAS, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, Dr Mahathir kini sudah berubah.

“Kerana beliau sudah berubah, kita terimalah. Sejarah lalu nak buat macam mana. Dia gini (begini), semua orang ada sejarah masing-masing.

“Kalau diambil dalam sejarah Islam orang yang masuk Islam ramai yang ada masalah sebelum Islam, lawan Nabi.

“Tetapi selepas pembukaan Kota Makkah, Abu Sufyan masuk Islam. Wahsyi masuk Islam. Sebagai contoh Wahsyi bunuh bapa saudara Nabi, Hamzah Abu Mutalib,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Munajat Rakyat Kelantan Pakat Pertahan dan Amanat Pimpinan di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang dan timbalannya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Hak pertahan negara

Terdahulu, Dr Mahathir membuat kemunculan pertama di atas pentas PN dengan menyampaikan amanat negarawan di hadapan puluhan ribu penyokong parti itu.

Turut menafik perhatian, Dr Mahathir yang memakai kemeja putih turut menyarung jaket PAS.

Mengulas lanjut, Mohd Amar yang juga Timbalan Menteri Besar berharap sokongan Dr Mahathir dapat membersihkan kesilapan lalu yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Sementara itu, di Georgetown, Timbalan Presiden PKR,

Rafizi Ramli, berkata menjadi hak Dr Mahathir untuk meminta rakyat mempertahankan negara daripada diperintah oleh kerajaan yang gagal menjelang PRN akan datang.

Rafizi berkata, sesiapa sahaja boleh berkata apa-apa ketika berkempen.

Katanya, mana-mana pemimpin digalakkan untuk melontarkan idea mereka kepada rakyat, tetapi beliau percaya rakyat akan mengundi berdasarkan pengalaman sebelum ini.

Dalam kes ini, katanya, Dr Mahathir mempunyai rekod sebelum ini bersama PAS dan BERSATU.

“Bila dia bercakap di pentas PN, berbeza kesannya kepada orang yang berbeza. Mungkin ada pengundi yang suka dengan apa yang dia cakap dan mungkin ada yang mempersoal prinsip dan pendiriannya sebelum ini. Ini kerana Dr Mahathir ada pendirian sendiri mengenai PAS dan BERSATU sebelum ini.

“Hanya kerana tidak suka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada usianya, walaupun pada pandangan sesetengah orang, ia mungkin dilihat sebagai perpaduan dalam kalangan pemimpin ini, ia juga akan ditafsir secara berbeza oleh pengundi,” katanya.